

Gereja St. Patrick, Tawau
Sejak 1917

29 Mac 2026

Membina gereja sel yang kuat
iaitu berpusat kepada Kristus,
transformasi hidup,
melengkapi mereka yang diselamatkan,
menginjil jiwa yang hilang dan
komited kepada misi.

YEAR OF
AWAK BANGUN
苏醒 KEBANGUNAN

BISYOP DIOSIS

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

BISYOP SUFFRAGAN

- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Kenneth Thien

- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**

The Rt. Revd. John Yeo

REKTOR

The Rt. Revd. John Yeo

PEMBANTU REKTOR

Revd. Ho Kee Chung

PADERI/PASTOR

Revd. Samamadin Uloi

Revd. Robert Chin (Sukarela)

Revd. Chung Thau Yong (Sukarela)

Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)

Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

ZON BI: REV. NELSON TAI ZUN BIN

- **Dewasa:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin

- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

ZON BC: REV. HO KEE CHUNG

- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung

- **Belia:** Alan Chung

- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee

- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong

- **Warga Emas:** Kok Feh Ken

ZON BM:

- **SPC:** Revd. Anzen Daud
Revd. Fredoline Babiah

- **PJA:** Revd. Majelus Majar

- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud

- **Belia:** Danny Daniel

- **Muda-Mudi:** Sendi Yunus

- **Kanak-kanak:** Meros Majar

PELAYANAN SOKONGAN

- **Penjagaan & Kasih:**

Alex Wong Chun Sang

- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui

- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel

- **Doa:** Chu Sui Fun

- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo

- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

STAF PENTADBIRAN

- **PA Rektor:** Annie Chiew

- **Pentadbiran:** Margaret Khong

- **Penyelenggaraan:**

Rommel Lumantas

- **Pengangkutan:**

Rommel Lumantas

- **Kebersihan:** Margaret Khong

GEREJA MIST

- **Tarakan**

Revd. Jakobus Chong

Revd. Roy Nol Simon

- **Nunukan, Sei Menggaris, Sebakis**

Revd. Martin Ataring

Revd. Ferdinan Atonis

Ps. Christinah Simon

Mesej Rektor



DIUTUS DENGAN TUJUAN

*Sama seperti Bapa mengutus Aku, demikian juga
sekarang Aku mengutus kamu."*

(Yohanes 20:21)

Pada hari-hari selepas kebangkitan Tuhan Yesus, Dia menampakkan diri kepada murid-murid-Nya – meyakinkan mereka, memulihkan mereka, membangkitkan kembali iman mereka dan mempersiapkan mereka untuk perkara-perkara yang akan datang. Dan sebelum pada hari kenaikan-Nya, Dia mempercayakan kepada mereka satu amanat yang penting – panggilan untuk diutus sebagaimana Dia telah diutus.

Amanat "Pengutusan" ini lebih daripada sekadar dorongan yang lembut. Ia adalah satu mandat yang berkuasa bukan sahaja untuk murid-murid tetapi juga untuk semua orang yang percaya. Kita diutus dengan satu tujuan: *untuk menjadikan semua bangsa sebagai murid*. Panggilan ini mengajak kita untuk terlibat dalam satu gerakan yang merentasi sempadan dan budaya, membawa pengharapan, kasih, dan transformasi.

Diutus bermaksud melangkah keluar dari zon selesa kita, dengan tujuan mencari peluang untuk menyampaikan berita baik bahawa Yesus menyelamatkan kita semua. Menjadikan murid bermaksud melabur dalam kehidupan orang lain—mengajar, mendorong, dan berjalan bersama mereka ketika mereka menemukan kasih dan anugerah Allah di dalam Yesus Kristus. Setiap perbualan, kebaikan, dan saat mendengar, akan menjadi benih yang ditabur bagi Kerajaan Allah.

Muka surat seterusnya...

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.

Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Email: spctawau@gmail.com | Laman Web: <https://www.hoprayer.org.my>

dari muka surat sebelah...

Sebagaimana Yesus diutus oleh Bapa dengan kuasa dan kasih, demikian juga kita dipercayakan dengan hal yang sama. Dan keindahan amanat ini adalah kita tidak pergi bersendirian. Tuhan menjanjikan hadirat dan perlengkapan-Nya. Marilah kita menyahut pengutusan ini dengan ketaatan, dengan percaya bahawa melalui kita, Allah akan membawa orang dari setiap bangsa untuk menjadi sebahagian daripada keluarga-Nya.

Ketika kita mempersiapkan diri untuk pergi misi, marilah kita berdoa memohon keberanian untuk melangkah keluar dan menjadikan semua bangsa sebagai murid ke mana pun Tuhan pimpin kita. Berdoa agar kita dipenuhi dan dipimpin oleh Roh Kudus, supaya kita dapat melayani dengan hikmat dan belas kasihan.

PERPINDAHAN PADERI DAN PASTOR

- Kami memuji Tuhan kerana Pastor Lim Tze Ling dan isteri, Pn. Jasmine, telah menyahut panggilan untuk misi. Mereka akan dipindahkan ke Gereja Kristus Batu Penjuru, Tarakan, Indonesia berkuat kuasa 1 Jun 2026. Kebaktian Pengutusan untuk Pastor Lim Tze Ling dan Pn. Jasmine akan diadakan pada 22 Mei 2026 (Jumaat) jam 7:30 malam di Gereja Anglikan Good Tidings.
- Revd. Chung Thau Yong dan isteri akan ditugaskan di Gereja Anglikan Good Tidings berkuat kuasa 01 Jun 2026 bagi menyokong dan melayani dalam pelayanan Zon Bahasa Cina.

Marilah kita terus dukung hamba-hamba Tuhan ini dalam doa.

Berita

MINGGU KUDUS

1. Minggu Palma

29 Mac 2026 (Hari ini)

(Kita akan buat daun salib bersama-sama semasa kebaktian)

2. Stesen Salib

7:30malam

30 Mac 2026 (Isnin) -

Zon Utara 2 - Rumah Doa

31 Mac 2026 (Selasa) -

Zon Apas - Rumah Doa

01 April 2026 (Rabu) -

Zon Tengah - Rumah Doa

Zon Utara 1 - Gereja St. Patrick

3. Khamis Putih

02 April 2026 (Khamis)

(Mengikut zon dan kelompok sel)

4. Jumaat Agung

(Tayangan Filem Raja segala raja)

03 April 2026 (Jumaat)

12:30tengah hari

Rumah Doa

5. Paskah

05 April 2026 (Ahad)

11:00pagi

Rumah Doa

PASKAH KELOMPOK SEL

KANAK-KANAK

05 April 2026 (Ahad)

8:30pagi | Bilik Joy

NOTIS

Menara Doa, Latihan Pemimpin Sel dan Kelas Penetapan direhatkan pada minggu ini untuk memberi laluan kepada Pelayanan Minggu Kudus.

Gereja

PERALIHAN PELAYANAN

Nama	Pelayanan Baharu
Lareus Loko	Ketua bahagian Pelayanan Pujian dan Penyembahan BM
Jackson Samuel	Koordinator Pelayanan Zon Muda-Mudi SPC
Julius Bernadus	Pelayanan Zon Dewasa SPC
Sendi Yunus	Pelayanan Zon Dewasa SPC

Peralihan ini akan berkuat kuasa pada bulan April 2026. Mohon dukung setiap mereka dalam doa anda.

PELETAKAN JAWATAN

Sdri. Yong Siew Jin @ Sutin dan Sdri. Penny Ng akan meletakkan jawatan sebagai staf gereja berkuat kuasa 01 April 2026. Kita bersyukur untuk pelayanan mereka sebagai staf gereja. Kiranya Tuhan terus memberkati perjalanan baharu mereka.

BERDOA UNTUK DUNIA

- Berdoa agar para pelayan Tuhan yang melayani di Iran diberikan hikmat, supaya mereka tahu bila perlu melangkah ke hadapan dan bila perlu menunggu, berdoa juga untuk keselamatan semua pekerja, dan berdoa agar hati manusia dipersiapkan untuk menerima Firman Tuhan.
- Mohon agar belas kasihan dan hikmat Tuhan turun atas semua pemimpin di Tehran, Washington, Tel Aviv dan negara-negara Teluk, supaya mereka dapat menyelesaikan isu penutupan Selat Hormuz dengan damai serta mengelakkan konflik .

BERJALAN BERSAMA TUHAN MELALUI 40 HARI PUASA

Tahun ini, kami ingin mendorong jemaah untuk membaca Perjanjian Baru sepanjang 40 hari, diakhiri dengan renungan setiap hari menggunakan 3 pertanyaan yang sama.

Hari 35-40: Surat Pastoral, Umum & Wahyu

- ◇ 30/3 (Hari 35) - Yakobus 1-5 dan 1 Petrus 1-2
- ◇ 31/3 (Hari 36) - 1 Petrus 3-5 dan 2 Petrus 1-3
- ◇ 01/04 (Hari 37) - 1 Yohanes 1-5, 2 Yohanes dan 3 Yohanes
- ◇ 02/04 (Hari 38) - Yudas dan Wahyu 1-6
- ◇ 03/04 (Hari 39) - Wahyu 7-13
- ◇ 04/04 (Hari 40) - Wahyu 14-22

Soalan Renungan Harian

1. Ayat manakah daripada Firman Tuhan sedang berbicara kepada hatiku?
2. Adakah dosa atau kebiasaan yang Tuhan memanggilku untuk bertaubat?
3. Janji Tuhan apakah yang boleh kupegang dalam doa hari ini?

PEMBERIAN PERSEMBAHAN



Persepuluhan

Persembahan

PINDAHAN DALAM TALIAN

⇒ Public Bank: 3091827035

Sila hantar salinan slip ke **011-59954101**

Cek: St. Patrick's Church, Tawau

DIUTUS DENGAN TUJUAN LUKAS 10:1-23

1. Kejelasan: Diutus oleh Tuhan kita, Yesus

Lukas 10:1-3 - Kemudian dari pada itu **Tuhan menunjuk** tujuh puluh murid yang lain, **lalu mengutus mereka** berdua-dua mendahului-Nya **ke setiap kota dan tempat yang hendak dikunjungi-Nya**. Kata-Nya kepada mereka: "Tuaian memang banyak, tetapi pekerja sedikit. Karena itu mintalah kepada Tuan yang empunya tuaian, supaya Ia mengiriskan pekerja-pekerja untuk tuaian itu. **Pergilah, sesungguhnya Aku mengutus kamu** seperti anak domba ke tengah-tengah serigala.

2. Iman: Percaya bahawa Allah akan menyediakan

Lukas 10:4, 8-9 - ⁴ Janganlah membawa pundi-pundi atau bekal atau kasut, dan janganlah memberi salam kepada siapapun selama dalam perjalanan.... ⁸ Dan jikalau kamu masuk ke dalam sebuah kota dan kamu diterima di situ, makanlah apa yang dihidangkan kepadamu, ⁹ dan sembuhkanlah orang-orang sakit yang ada di situ dan katakanlah kepada mereka: Kerajaan Allah sudah dekat padamu.

3. Kemuliaan: Pujian dan hormat hanya bagi Bapa

Lukas 10:21 - Pada waktu itu juga bergembiralah Yesus dalam Roh Kudus dan berkata: "**Aku bersyukur kepada-Mu, Bapa, Tuhan langit dan bumi**, karena semuanya itu Engkau sembunyikan bagi orang bijak dan orang pandai, tetapi Engkau nyatakan kepada orang kecil. Ya Bapa, itulah yang berkenan kepada-Mu.